



**TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROF. DATUK TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL  
NAIB CANSOLOR UTM**

**UCAPAN PENUTUP  
PROGRAM CEKAL BERSAMA TAKWA UTM**

**8 JUN 2021 (SELASA)**

**10.00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bismillahir Rahmannirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera, Salam UTM Sanjungan Bangsa

Terima kasih kepada Pengacara Majlis,

1. **Yang Berusaha Prof Dr Shamsul Sahibuddin**, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Universiti Teknologi Malaysia

2. **Yang Dihormati Encik Hishamuddin Bin Abdul Rahim**, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor

3. **Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Azlan Bin Abdul Latib**, Pengarah Pembangunan Aktiviti Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia

4. **Yang Berusaha Saudari Wan Akmal Nazirah Binti Wan Ubaidillah**, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Sesi 2020/2021

5. **Yang Berusaha Saudari Nurul Nabilah Binti Mat Ropi**, Pengarah Program Cekal Bersama Takwa Tahun 2021

Dan Yang Saya Hormati, Hadirin dan hadirat sekalian,

1) Terlebih dahulu saya merafakkan doa yang ikhlas ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Tuanku Permaisuri Johor (yang juga Canselor UTM) bersama Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim serta Kerabat-kerabat Di Raja terus memperoleh keafiatan dengan penuh kedaulatan dan kebesarannya.

2) Dikesempatan ini juga, patik menjunjung kasih kepada DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah kerana telah memperkenankan dan menyokong penuh pelaksanaan Program Cekal Bersama Takwa di UTM yang bermula pada 26 Mei sehingga 2 Jun 2021 lepas. Program ini diadakan bagi menyuntik motivasi dan memastikan semangat pelajar sentiasa berada di tahap yang tertinggi walaupun mendepani cabaran tempoh PKPD yang dikuatkuasakan di kampus UTM ini bermula 21 Mei 2021 lalu.

Sebagaimana hadirin sekalian sedia maklum,

3) Perjuangan memerangi wabak virus COVID-19 masih belum berakhir. Selain usaha- usaha kerajaan, kejayaan negara memerangi COVID-19 dalam fasa ini adalah bergantung kepada kesedaran, sikap dan amalan setiap rakyat di negara ini. Marilah kita bersama-sama berdoa semoga kita semua diberi kesejahteraan serta keafiatan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan dijauhkan daripada wabak COVID-19.

4) Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terutamanya petugas barisan hadapan yang bekerjasama dalam menjaga kampus UTM ini. Saya sangat berbangga dengan komitmen tinggi yang telah ditunjukkan oleh mereka.

Hadirin Hadirat Sekalian,

5) Pihak universiti mengharapkan lebih banyak program sebegini dapat dilaksanakan khususnya program yang diterajui serta dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar. Saya yakin pelajar Universiti Teknologi Malaysia mampu menghasilkan lebih banyak program yang memberikan impak yang tinggi dari idea-idea yang bernas.

6) Kita semua tahu bahawa Universiti ini mensasarkan untuk melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan, mampu berfikir secara kritis serta kreatif, berinovasi, berkomunikasi dengan baik, mempunyai ciri kepimpinan, memiliki minda keusahawanan, mempunyai nilai kemandirian yang tinggi serta bertanggungjawab kepada sosial sekaligus dapat menjadikan UTM tempat peneraju dalam pembangunan modal insan seiring dengan misi dan visi kita.

7) Pihak UTM sentiasa menyokong penuh usaha pelajar dalam melaksanakan program yang sebegini. Ini kerana pelajar lah yang menjadi tunjang utama kepada memacu pencapaian dan kejayaan UTM serta menaikkan nama Universiti di peringkat kebangsaan dan global.

8) Universiti juga amat prihatin dan yakin bahawa di dalam kemelut kemerosotan ekonomi dan kehidupan seharian kita yang dibelenggu dengan pandemik Covid-19 ini, saya lihat pelajar UTM khususnya ahli jawatankuasa yang terlibat, **i) sentiasa bersemangat, ii) mampu untuk terus mengorak langkah lebih kreatif, iii) melestarikan pengurusan kewangan serta iv) berminda keusahawanan** dalam melaksanakan program yang diadakan selama tempoh hampir dua (2) minggu ini.

9) Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan program ini sama ada secara langsung atau pun tidak langsung.

10) Akhir kalam, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang pertandingan pada petang ini. Bagi yang tidak memenangi pertandingan ini, tahniah juga saya ucapkan kerana anda juga sebahagian daripada pelajar UTM yang kreatif dan cemerlang. Insha Allah ada rezeki anda di pertandingan-pertandingan yang akan diadakan pada masa akan datang.

11) Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan kesihatan yang baik kepada kita dan dipermudahkan segala urusan kita di dunia mahupun dia akhirat. Amin, amin, amin ya Rabbal Alamin.

12) Dengan lafaz Bismillah, saya dengan ini merasmikan majlis penutup program **Cekal Bersama Takwa UTM.**

'Kerana Tuhan Untuk Manusia'

وبِالله التوفيقُ والهداية،

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته